

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Isnin, 13 Julai 2020 3:14 ptg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: REBUT PELUANG MILIKI NOMBOR PLAT EKSklusIF UUM MELALUI POTONGAN GAJI



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

13 JULAI 2020 / 21 ZULKAEDAH 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah dan Amirullah Ikrami Akbar Jahan
Gambar oleh: Shamsaimi Ezil

REBUT PELUANG MILIKI NOMBOR PLAT EKSklusIF UUM MELALUI POTONGAN GAJI



UUM ONLINE: Rebutlah peluang untuk memiliki nombor plat UUM dengan membuat bidaan sambil menikmati pelbagai insentif yang ditawarkan.

Pengarah Jabatan Strategik dan Pembangunan Perniagaan (BSD), Prof. Madya Dr. Hijattulah Abdul Jabbar mengumumkan beberapa insentif khas buat warga UUM termasuk alumni dalam proses bidaan nombor plat UUM.

“Antara insentif yang boleh dinikmati ialah sistem potongan gaji buat staf UUM yang melibatkan pembelian RM1,000 ke atas.

“Pemotongan gaji yang dibenarkan adalah lima kali, bagi yang berminat boleh membuat permohonan kepada pihak BSD yang akan menguruskan urusan dengan pihak Jabatan Bendahari,” katanya.

Beliau berkata, sebelum ini proses bidaan nombor plat UUM berlangsung dalam dua sesi iaitu pada Februari dan Mei lalu secara atas talian (online) di laman sesawang <https://uumplate.uum.edu.my> mengikut tarikh yang ditetapkan, diikuti sesi ketiga dijangka September ini.

Kini, menurutnya, bidaan boleh dilakukan secara atas permintaan ('on-demand bidding') tanpa perlu menunggu sesi yang akan datang.

Tambahnya, mereka yang berminat hanya perlu menghantar email kepada uumspecial@uum.edu.my dengan menyatakan nombor plat yang ingin dibeli dan amaun.

“Sambutan yang diterima sangat menggalakkan dan bagi mereka yang masih belum mendapatkan nombor pendaftaran pilihan ini tawaran istimewa menanti untuk membida hampir 9,000 nombor pendaftaran serta 100 nombor istimewa dan popular yang masih berbaki dan sedia untuk dimiliki,” katanya.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.